

**NO. SOALAN : 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG**  
**[SIMPANG RENGGAM]**  
**TARIKH : 01.08.2017 (SELASA)**

**DATUK LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan jumlah kes-kes syarikat jualan langsung dan piramid yang telah direkodkan dan bagaimanakah Kementerian bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia dalam menghapuskan skim tersebut.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Dari tahun 2012 sehingga Julai 2017, sebanyak **208 tindakan kes** telah dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah **RM 6.2 juta** dikenakan ke atas syarikat yang gagal mematuhi syarat lesen, syarikat yang menjalankan perniagaan jualan langsung tanpa lesen jualan langsung yang dikeluarkan oleh KPDKKK serta menjalankan aktiviti skim piramid dimana kesemuanya merupakan kesalahan di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993.

Kementerian ini bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia melalui keahlian dalam Jawatankuasa seperti:

**1. Unit Aduan Agensi Penguatkuasaan (UAAP).** Keanggotaan ini turut disertai oleh Agensi seperti berikut :

- i) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kepenggunaan (KPDKKK)
- ii) Bank Negara Malaysia (BNM)
- iii) Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- iv) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- v) Cybersecurity Malaysia
- vi) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SCM)
- vii) Suruhanjaya Komunikasi (MCMC)

**2. Jawatankuasa Kecil Ke Atas Kesalahan Berkaitan Penipuan Dan Komplot Kewangan (SCOFFS).** Keanggotaan ini turut disertai oleh Agensi seperti berikut :

- i) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kepenggunaan (KPDKKK)
- ii) Jabatan Peguam Negara (AGC)
- iii) Bank Negara Malaysia (BNM)
- iv) Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
- v) Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA)
- vi) Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- vii) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
- viii) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SCM)
- ix) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- x) Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM)

Melalui keanggotaan ini, Kementerian ini bersama Agensi yang lain akan berkongsi maklumat-maklumat terkini berkaitan pelbagai kes-kes penipuan seperti Ponzi, pelaburan haram dan skim Piramid. Selain itu, operasi bersama turut dilakukan bagi membanteras kes tipu perdaya jualan langsung dan skim piramid.